Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 3, e002206
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2206

Peranan Ibu Bapa Bukan Berbangsa Cina dalam Memupuk Motivasi Belajar Anak di Prasekolah SJKC

(Non-Chinese Parents Parental Involvement in Children's Learning Motivation in Chinese Preschool)

Gan Jin Wan[1*], Faridah Mydin Kutty[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p111342@siswa.ukm.edu.my
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: faridah mydin@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Gan Jin Wan
(p111342@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Murid bukan berbangsa Cina
Ibu bapa
Motivasi belajar
SJKC
Penglibatan

KEYWORDS:
Non-Chinese students
Parents
Learning motivation
SJKC
Involvement

CITATION:
Gan, J. W. & Faridah Mydin Kutty. (2023). Peranan Ibu Bapa Bukan Berbangsa Cina dalam Memupuk Motivasi Belajar Anak di Prasekolah SJKC. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(3), e002206. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2206

ABSTRAK

Kewujudan sekolah yang pelbagai jenis aliran di Malaysia memberikan pilihan kepada penduduk Malaysia untuk memilih sekolah yang mereka inginkan. Tren peningkatan murid bukan berbangsa Cina di SJKC dilihat semakin meningkat setiap tahun. Isu ini penting untuk dikaji terutamanya apabila murid bukan penutur natif Bahasa Cina beradaptasi dengan bahasa dan budaya pendidikan yang berbeza. Sokongan dari ibu bapa adalah mustahak dalam membantu proses pengasimilasian bahasa kerana ibu bapa merupakan individu yang terdekat dalam perkembangan dan pembelajaran anak-anak mereka di rumah. Oleh itu, kajian kualitatif berbentuk penerokaan ini bertujuan untuk meneroka peranan ibu bapa bukan berbangsa Cina dalam memupuk motivasi belajar anak di prasekolah SJKC. Sejumlah 12 peserta kajian yang terdiri daripada ibu bapa prasekolah bukan berbangsa Cina telah dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Data dikumpul secara temu bual separa berstruktur secara atas talian melalui aplikasi Google Meet. Data dianalisis secara tematik. Hasil kajian bagi penglibatan ibu bapa bukan berbangsa Cina dalam aktiviti pembelajaran anak menunjukkan aktiviti seperti menyediakan kemudahan dan sokongan pembelajaran, pemantauan dan memberikan motivasi. Justeru, kajian ini membuktikan penglibatan ibu bapa bukan berbangsa Cina dalam aktiviti pembelajaran anak adalah penting dalam memupuk motivasi belajar dan membantu perkembangan murid prasekolah SJKC.

ABSTRACT

The existence of various types of schools in Malaysia gives the choice to Malaysians to choose the school they want. The trend of non-Chinese students at SJKC is seen to be increasing every year. This issue is important to study especially when students who are not native Chinese speakers adapt to a different language and educational

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

culture. Support from parents is essential in helping the language assimilation process because parents are the closest individuals to their children at home. Therefore, this qualitative study aims to explore the role of parental involvement among non-Chinese parents affect in children's learning motivation at preschool SJKC. A total of 12 participants consisting of non-Chinese preschool parents were selected using the purposive sampling method. The data were collected using a semi-structured online interview through the Google Meet application which was then analysed thematically. The results have proven that the involvement of non-Chinese parents in their children's learning activities at preschool SJKC can be seen from providing learning facilities and support, parental monitoring and giving motivation. Thus, the involvement of non-Chinese parents in children's learning activities is important as it can affect children's learning motivation and help their development.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada berkaitan peranan ibu bapa bukan penutur natif Bahasa Cina dalam proses asimilasi dan adaptasi budaya pendidikan anak mereka di prasekolah. Kajian ini membuktikan terdapat pelbagai cara penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak untuk memotivasikan anak walaupun ibu bapa sendiri tidak mempunyai fahaman asas terhadap Bahasa Cina.

1. Pengenalan

Malaysia adalah antara negara yang masih mengekalkan pendidikan berdasarkan kepada kumpulan etnik. Ini bermakna setiap etnik seperti kaum Cina dan India diberikan hak untuk mengekalkan sistem pendidikan dan identiti tersendiri dengan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Menurut Adam et al. (2021), sistem pendidikan vernakular berorientasikan etnik telah wujud sebelum negara Malaysia mencapai kemerdekaan. Sistem pendidikan venakular merujuk kepada sistem pendidikan berasaskan bahasa ibunda yang menjadi bahasa pengantar terhadap sesuatu kaum atau masyarakat (Awang, 2010). Menurut Ong dan Nur Atiqah (2010), sistem pendidikan negara Malaysia memikul tanggungjawab untuk memastikan penyertaan semua rakyat tanpa mengira bangsa dan kaum dalam satu sistem pendidikan yang mengenalpasti dan mengiktiraf kepelbagaian murid. Dengan ini, sistem pendidikan venakular bertujuan untuk memenuhi kecenderungan rakyat terhadap pendidikan dan menyediakan generasi muda untuk mengekalkan tradisi pendidikan dan budaya kaum serta pelbagai ilmu pengetahuan (Adam et al., 2021). Sistem pendidikan ini telah mewujudkan sekolah yang pelbagai aliran seperti Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (Mior Khairul, 2011). Kewujudan sekolah yang pelbagai jenis aliran di Malaysia secara tidak langsung memberikan pilihan kepada penduduk Malaysia untuk memilih sekolah yang mereka inginkan.

Menurut Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia, bilangan sekolah rendah di Malaysia adalah 7780 buah sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Manakala terdapat 1298 buah sekolah adalah sekolah rendah SJKC (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Menurut statistik Kementerian Pendidikan Malaysia, peratus murid

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Melayu di SJKC pada tahun 2010 adalah 9.15%, murid Cina adalah 88.15% , murid India adalah 1.67% dan lain-lain adalah 1.02% (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Manakala peratus murid Melayu di SJKC pada tahun 2020 adalah 15.33%, murid Cina adalah 80.25%, murid India adalah 2.75% dan lain-lain adalah 1.67% (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Tren semasa menunjukkan bahawa terdapat peningkatan peratusan murid bukan berbangsa Cina di SJKC. Menurut Gu (2016) dalam kajian Koo (2017), terdapat 1290 buah sekolah SJKC di Malaysia dan hampir 70000 murid bukan Cina mengikuti pembelajaran bahasa Cina di institusi pendidikan ini. Hal ini selaras dengan pendapat Cheong (2013) yang menyatakan bahawa fungsi sekolah SJKC bukan lagi untuk memenuhi keperluan pendidikan rendah kaum Cina, tetapi juga telah menjadi tapak menimba ilmu dalam kalangan sebilangan kaum bukan Cina. Hal ini menunjukkan tren ini bukan satu paksaan sebaliknya merupakan kesan keterbukaan masyarakat negara Malaysia (Ong & Nur Atiqah, 2010) dan inisiatif ibu bapa demi masa depan anak-anak (Koo, 2017).

Walau bagaimanapun, tren ini telah menimbulkan beberapa isu berkaitan pembelajaran murid bukan berbangsa Cina di sekolah SJKC (Ngein & Ching, 2016; Koo, 2017; Ang & Anuar, 2017). Berdasarkan hasil kajian Heng, Neo dan Chan (2021), tahap motivasi belajar murid bukan berbangsa Cina di sekolah SJKC adalah sederhana dan rendah. Hasil soal selidik dan temu bual guru dalam kajian Heng, Neo dan Chan (2021) menunjukkan bahawa kebanyakan murid bukan berbangsa Cina di sekolah SJKC tidak minat terhadap PdPc dengan Bahasa Cina. Faktor kekurangan minat ini secara tidak langsung menjejaskan motivasi belajar murid di sekolah. Hal ini terutamanya didorong oleh kekangan bahasa serta budaya yang dihadapi oleh murid bukan berbangsa Cina dalam proses pembelajaran mereka (Wan Jaafar & Maat, 2020). Selain itu, hasil kajian Chun dan Lay (2019) menunjukkan kebanyakan guru memberikan penilaian 'lemah' terhadap motivasi belajar murid bukan berbangsa Cina di sekolah SJKC. Kajian Bi (2019) turut menunjukkan bahawa kesusahan murid bukan berbangsa Cina dalam mengekalkan motivasi belajar mereka dan kebanyakkan murid bukan berbangsa Cina kurang motivasi semasa belajar. Oleh yang demikian, pengkaji memilih untuk meneroka isu motivasi belajar dalam kalangan murid bukan berbangsa Cina di sekolah SJKC. Namun kebanyakkan kajian-kajian berkaitan isu motivasi belajar dalam kalangan murid bukan berbangsa Cina hanya dilakukan di peringkat sekolah rendah SJKC sahaja. Oleh itu, terdapat keperluan untuk kajian berkenaan dijalankan di peringkat prasekolah. Fasa pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam persekolahan terhadap perkembangan kanak-kanak. Sekiranya isu bahasa dan budaya dapat diatasi di peringkat prasekolah, murid bukan berbangsa Cina lebih mudah untuk beradaptasi bahasa dan budaya pendidikan yang berbeza pada peringkat sekolah rendah. Oleh itu, kajian ini penting dijalankan untuk melihat sokongan dan penglibatan ibu bapa bukan berbangsa Cina dalam pembelajaran murid prasekolah.

Dalam hal ini, sokongan multidimensi adalah elemen penting yang perlu diberikan penekanan dalam kalangan murid bukan berbangsa Cina semasa proses asimilasi bahasa yang berbeza berlaku (Yusoff et al., 2021). Hal ini demikian kerana budaya pendidikan yang berlainan menjadi cabaran bagi murid bukan penutur natif Bahasa Cina. Dalam proses asimilasi dan adaptasi budaya pendidikan di sekolah SJKC, murid bukan berbangsa Cina dapat menyesuaikan diri dengan lebih mudah jika mendapat sokongan dari persekitaran (Siti Saniah, 2013). Menurut kajian Ngein dan Ching (2016), kemasukan murid di sesebuah sekolah adalah berpunca daripada pilihan ibu bapa. Hal ini menunjukkan ibu bapa lazimnya akan memikul tanggungjawab serta mengambil inisiatif untuk memastikan anak-anak mereka dapat mengikuti proses pembelajaran.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dalam konteks pendidikan prasekolah, guru, rakan sebaya dan ibu bapa merupakan pihak yang paling berpengaruh dalam mempengaruhi motivasi dan penglibatan muid (Termize, Ruhizan & Ahmad Zamri, 2021). Peranan ibu bapa sangat penting dalam pembelajaran kanak-kanak prasekolah kerana ibu bapa adalah individu yang paling terdekat dengan anak-anak mereka di rumah (Anisa Saleha, 2015; Paezah & Faridah, 2017). Oleh itu, sokongan dari ibu bapa adalah mustahak dalam membantu proses pengasimilasian bahasa dalam kalangan murid bukan berbangsa Cina kerana dapat membantu perkembangan murid serta meningkatkan kemampuan dan motivasi belajar murid (Habibie et al., 2018; Norjumira et al., 2020).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka penglibatan ibu bapa bukan berbangsa Cina dalam aktiviti pembelajaran anak di prasekolah SJKC untuk memupuk motivasi belajar anak. Maklumat yang diperolehi melalui kajian ini memberikan kefahaman berhubung dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak untuk memupuk motivasi belajar anak. Dengan dapatan kajian ini, pengkaji dan ibu bapa prasekolah dapat memahami peranan mereka sendiri dalam aktiviti pembelajaran anak bagi memupuk motivasi belajar murid.

2. Sorotan Literatur

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya di mana setiap dasar yang dilaksanakan perlu selari dengan keperluan masyarakat. Pelaksanaan sistem pendidikan perlu mempertimbangkan keperluan dan kesesuaian masyarakat majmuk Malaysia. Dengan ini, sistem pendidikan berasaskan etnik iaitu sistem pendidikan vernakular telah diamalkan sehingga kini di Malaysia (Syed Husin, 1984). Pembentukan sistem pendidikan berasaskan vernakular di Malaysia adalah dipengaruhi oleh hasrat masyarakat Malaysia yang ingin mengekalkan kebudayaan etnik dan bahasa ibunda masing-masing. Kewujudan sekolah pelbagai aliran telah mewajibkan pendidikan kepada semua warganegara dengan pilihan sekolah yang demokratik. Hal ini memberikan pelbagai pilihan kepada ibu bapa untuk menempatkan anak mereka di sekolah kerana sistem pendidikan Malaysia tidak menghalang pilihan rakyat untuk mengikuti sesi pembelajaran di mana-mana sekolah.

Trend murid bukan berbangsa Cina belajar di sekolah SJKC semakin meningkat di negara Malaysia (Heng & Neo, 2005). Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan bahawa terdapat peningkatan peratusan murid bukan berbangsa Cina di SJKC iaitu 11.84 peratus pada tahun 2010 kepada 19.75 peratus pada tahun 2020 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Statistik ini telah menunjukkan bahawa SJKC semakin menjadi pilihan bagi ibu bapa bukan berbangsa Cina kerana murid bukan berbangsa Cina semakin ramai setiap tahun selain membuktikan SJK adalah sekolah majmuk yang membolehkan pelbagai kaum murid untuk belajar bersama di sekolah. Kajian Tan, Ngu dan Chew (2017) serta Funk (2018) juga membuktikan terdapat fenomena pertambahann murid bukan berbangsa Cina di sekolah SJKC daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Hal ini selaras dengan kajian Ngein dan Chin (2016) yang melaporkan kebanyakkan ibu bapa kaum Bumiputera menghantar anak mereka ke sekolah SJKC sehingga melebihi 20% murid adalah murid bukan berbangsa Cina. Ringkasnya, tren murid bukan berbangsa Cina yang belajar di sekolah SJKC dilihat semakin meningkat di negara Malaysia dan semakin menarik perhatian masyarakat.

Namun begitu, tren peningkatan murid bukan berbangsa Cina di sekolah SJKC telah membawa beberapa isu yang perlu diberi tumpuan. Antaranya, hasil pembelajaran

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

murid bukan berbangsa Cina didapati kurang berkesan kerana bahasa pengantar dalam PdPc sekolah SJKC adalah Bahasa Cina (Tay, 2012). Beberapa kajian juga mendapati pencapaian murid bukan berbangsa Cina di sekolah SJKC juga tidak memuaskan (Tay, 2012; Bi. 2019). Dalam hal ini, murid bukan berbangsa Cina didapati sukar untuk mengekalkan motivasi belajar dan tahap motivasi belajar yang rendah menyebabkan pencapaian mereka kurang memuaskan (Heng Neo & Chan, 2021; Ngein & Ching, 2016; Tan, 2015; Chun & Lay, 2019; Bi, 2019). Namun begitu, kajian-kajian berkaitan isu ini masih kurang terutamanya dalam konteks pendidikan prasekolah. Oleh itu, pengkaji ingin meneroka topik berkaitan dengan isu ini iaitu peranan ibu bapa dalam memupuk motivasi belajar murid bukan berbangsa Cina di prasekolah SJKC. Peranan ibu bapa diberi tumpuan dalam kajian ini kerana faktor ibu bapa membawa pengaruh yang besar kepada motivasi belajar murid bukan berbangsa Cina (Kanammah, Ng & Shahizan, 2013; Habibie et al., 2018; Norjumira et al., 2020; Mairin et al., 2020).

2.1. Peranan penglibatan ibu bapa

Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak merupakan elemen penting untuk membantu seseorang murid meningkatkan motivasi belajarnya dalam pembelajaran (Kanammah, Ng & Shahizan, 2013). Menurut Epstein (2001), penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak sama ada di sekolah atau di rumah dapat memberi impak yang baik terhadap murid. Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran dan perkembangan anak adalah penting di semua peringkat umur kanak-kanak sama ada di peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan peringkat pengajian tinggi (Paezah & Faridah, 2017). Hal ini demikian kerana ibu bapa adalah sebahagian daripada persekitaran terdekat dengan kanak-kanak yang mempunyai pengaruh besar terhadap kehidupan dan perkembangan kanak-kanak (Barger et al., 2019; Lara & Saracostti, 2019), penglibatan, motivasi, dan penyesuaian sosial dan emosi kanak-kanak (Barger et al., 2019; Menheere & Hooge, 2010). Pada peringkat sekolah rendah, penglibatan ibu bapa adalah penting kerana peranan keterlibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak dapat membentuk konsep kendiri anak selain memupuk motivasi belajar anak (Rohaty, 2003). Aspek ini lebih signifikan dalam konteks pembelajaran yang berbeza kerana pencapaian akademik seseorang murid adalah bergantung kepada tanggapan konsep kendiri murid itu terhadap pembelajaran (Ishak, 2004). Dengan ini, sokongan ibu bapa adalah elemen yang penting dalam asimilasi dan adaptasi budaya pendidikan yang berbeza bagi murid bukan berbangsa Cina untuk mengekalkan motivasi belajar mereka.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menumpukan fokus terhadap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak bukan berbangsa Cina di prasekolah SJKC untuk memupuk motivasi belajar murid. Berdasarkan Teori Input Hipotesis Krashen (1976) dalam Hipotesis Urutan Alamiah, pembelajaran dengan bahasa kedua adalah secara natural dan bergantung pada umur, latar belakang dan tahap pendedahan keluarga. Hal ini jelas menunjukkan proses interaksi persekitaran yang paling dekat dengan kanak-kanak prasekolah iaitu ibu bapa boleh menjejaskan perkembangan bahasa kanak-kanak bukan berbangsa Cina di prasekolah (Rozumah et al, 2003). Kajian-kajian berhubung menunjukkan kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (Arnold et al., 2008; Henderson & Mapp, 2002; Rohaty, 2003; Ozcinar, 2006). Keterlibatan ibu bapa dalam pembelajaran dapat membantu perkembangan kanak-kanak dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (Paezah & Faridah, 2017). Bagi murid prasekolah bukan berbangsa Cina, mereka memerlukan motivasi dan rasa ingin tahu yang tinggi dalam konteks pembelajaran yang berbeza (Urdan & Turner, 2005). Oleh itu, ibu bapa murid bukan berbangsa Cina perlu memikul tanggungjawab yang penting

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dengan melibatkan diri dalam pembelajaran anak mereka di peringkat prasekolah supaya membantu kanak-kanak kecil mengekalkan motivasi balajar walaupun dengan menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dalam PdPc.

Dalam hal ini, ibu bapa berupaya memupuk motivasi belajar murid bukan berbangsa Cina melalui penglibatan di rumah. Berdasarkan Teori Epstein, amalan pembelajaran di rumah termasuk mendengar, berbincang, memantau, membimbing, memotivasi, memuji dan menggalakkan (Epstein et al., 2018). Ibu bapa perlu membantu anak mereka untuk melengkapkan kerja sekolah serta menyediakan maklumat, idea dan latihan berkaitan PdPc kepada anak (Newman et al., 2019). Dengan ini, aktiviti yang boleh dijalankan oleh ibu bapa murid bukan berbangsa Cina di rumah adalah membantu anak mereka sendiri dalam pembelajaran tanpa arahan daripada orang dewasa. Misalnya, membacakan untuk anak dalam Bahasa Cina (Lo & Ruhizan, 2022). Pembelajaran di rumah membolehkan ibu bapa membantu kerja sekolah dan perancangan pembelajaran anak. Dengan ini, ibu bapa dapat mengetahui tentang minat anak dan merangsang motivasi belajar anak dengan cara yang bersesuaian supaya kanak-kanak dapat melahirkan minat terhadap pembelajaran menggunakan Bahasa Cina. Kajian Ramalingam, Maniam dan Karuppanan (2019) menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa jenis pembelajaran di rumah adalah aspek yang paling relevan dalam pembelajaran anak mereka. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa pembelajaran di rumah merupakan jenis penglibatan ibu bapa yang penting dalam pembelajaran anak dan sesuai diaplikasikan dalam kajian ini kerana kajian ini bertujuan untuk meneroka penglibatan ibu bapa bukan berbangsa Cina dalam aktiviti pembelajaran anak di prasekolah SJKC.

3. Metod Kajian

3.1. Reka bentuk kajian

Pendekatan yang digunakan bagi penyelidikan ini adalah kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Kajian kualitatif adalah berfokuskan dalam mengkaji sesuatu fenomena untuk mendapatkan maklumat yang terperinci daripada kes yang dikaji (Yin, 2014). Justeru, pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes bersesuaian dengan kajian ini kerana tujuan kajian ini adalah untuk meneroka peranan ibu bapa dalam memupuk motivasi belajar murid prasekolah bukan berbangsa Cina. Dengan ini, pengkaji melibatkan diri sepenuhnya secara aktif dalam kajian ini bagi menghuraikan, membincangkan, menjelaskan dan memperihalkan dapatan kajian yang diperoleh secara terperinci dan lebih mendalam.

3.2. Populasi dan sampel kajian

Seramai 12 orang peserta kajian telah dipilih untuk menyertai kajian ini. Peserta kajian merupakan ibu bapa murid prasekolah di sekolah kerajaan yang ditempatkan di daerah Pekan, Pahang. Peserta kajian terdiri daripada 12 orang ibu bapa bukan berbangsa Cina yang mempunyai anak di prasekolah SJKC. Jumlah peserta kajian adalah selaras dengan saranan penyelidikan kualitatif dan mencukupi untuk mendapatkan data yang kaya bagi kajian kualitatif (Yin, 2015). Daripada jumlah tersebut, 11 orang adalah peserta kajian perempuan manakala seorang adalah peserta lelaki. Maklumat latar belakang peserta kajian adalah seperti di Jadual 1.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 1: Peserta kajian

Latar Belakang		Bilangan
Jantina	Lelaki	1
	perempuan	11
Bangsa	Melayu	12
Pekerjaan	Pensyarah	1
	Pegawai perubatan	1
	Kerani	3
	Berniaga	1
	Pembantu kedai makan	1
	Suri rumah	4
	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	1
Bahasa Pengantar yang diguna	Bahasa Melayu	11
	Bahasa Inggeris	1
Peringkat pengajian	SPM	2
	STPM	1
	Ijazah sarjana muda	8
	Ijazah sarjana	0
	Doktor Falsafah	1

Peserta kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Ciri-ciri sampel adalah ibu bapa prasekolah, dari keluarga bukan berbahasa Cina dan rela menjadi peserta kajian bagi kajian ini.

3.3. Pengumpulan data

Menurut Yin (2003) kaedah temu bual adalah salah satu data yang paling penting bagi kajian kualitatif. Kaedah temu bual separa berstruktur dijalankan untuk mengumpul data dalam kajian ini. Kaedah temu bual merupakan sumber yang membolehkan pengkaji mengetahui dan memahami tentang fenomena yang dikaji (Merriam, 2001).

Dalam kajian ini, pengkaji telah menemubual ibu bapa prasekolah dari keluarga bukan berbangsa Cina bagi meneroka bagaimana peranan mereka melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran anak di prasekolah SJKC untuk memupuk motivasi belajar anak. Soalan temu bual yang dibina adalah selari dengan persoalan kajian iaitu bagaimana ibu bapa bukan berbangsa Cina melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran anak di prasekolah SJKC? Soalan yang dibangunkan dinilai dan disemak oleh dua orang pakar dalam bidang pendidikan.

Semasa memulakan temu bual, pengkaji perlu mendapatkan keselesaan dalam kalangan peserta kajian dan menggalakkan mereka untuk ditemu bual (Creswell, 2003) di samping mendapatkan maklumat demografi peserta kajian. Inventori temu bual separuh berstruktur dibina untuk dijadikan panduan kepada pengkaji semasa mendapatkan maklumat bagi menjawab soalan kajian. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

separa berstruktur berpandukan protokol temu bual. Temu bual kajian dilaksanakan melalui *Google Meet* untuk memudahkan pengkaji menyimpan rekod temu bual dan dijalankan sekali sahaja bagi setiap peserta kajian selepas aktiviti persekolahan. Selepas pengkaji membuat transkrip hasil temu bual dengan rakaman *Google Meet*, laporan dihantar kepada peserta kajian untuk memastikan ketepatan maklumat yang disampaikan dalam sesi temu bual. Pengkaji telah mengambil langkah-langkah yang dicadangkan oleh Creswell (2008) supaya data yang direkod adalah selamat.

3.4. Analisis data

Data temu bual dianalisis secara tematik. Analisis boleh dimulakan pada temu bual yang pertama iaitu semasa data kajian diperolehi. Proses analisis data telah dijalankan berterusan sepanjang kajian ini dilakukan oleh pengkaji. Proses pembersihan dan mamahami data juga penting untuk membantu pengkaji dalam temu bual yang seterusnya (Merriam, 1998). Tanpa analisis data yang dikumpul sepanjang kajian dilakukan, akan menyebabkan data yang dikumpul berulang.

Penganalisaan data dalam kajian ini dilakukan dalam tiga fasa iaitu pembersihan data, memahami data dan penganalisaan data. Langkah pertama yang dilakukan ialah membuat transkrip data-data temu bual yang diperoleh perkataan demi perkataan. Setelah data dan maklumat telah diperoleh, pengkaji memastikan pemerolehan data-data yang kurang sesuai dan tidak berkaitan dibuang daripada kajian manakala data yang berkaitan dan relevan disimpan dan direkodkan.

Fasa yang seterusnya ialah memahami data. Fasa ini merangkumi pembacaan dan penelitian transkrip. Pada setiap kali pembacaan, pengkaji perlu membuat catatan. Fasa yang terakhir ialah penganalisaan data. Penerangan bagi setiap data yang diperoleh telah diinterpretasikan dengan lebih jelas dan terperinci setiap huraiannya. Langkah pengekodan, mengkategori, mengemaskini, menganalisis, dan merumus data secara keseluruhannya dilakukan semasa menganalisis data (Noraini, 2010). Pengekodan merupakan proses melabel dan memberikan kod kepada data-data yang dikumpul. Manakala proses penghasilan kategori merujuk kumpulan dilabelkan dengan satu kategori untuk membanding beza tema dan subtema. Seterusnya, laporan akhir dibina berdasarkan dapatan kajian ini berbentuk tulisan deskriptif agar pembaca lain mudah memahami kajian dan laporan yang ingin disampaikan.

4. Hasil Kajian

Dapatan analisis temu bual peserta kajian dibentangkan berdasarkan persoalan kajian iaitu bagaimana penglibatan ibu bapa bukan berbangsa Cina dalam aktiviti pembelajaran anak di prasekolah SJKC untuk memupuk motivasi belajar murid.

4.1. Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di prasekolah SJKC

Tujuan analisis ini adalah untuk melihat penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di prasekolah SJKC. Hasil analisis temu bual dapat difahami melalui tiga aktiviti iaitu menyediakan kemudahan dan sokongan pembelajaran, pemantauan dan memberikan motivasi.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.1.1. Menyediakan kemudahan dan sokongan pembelajaran

Kemudahan dan sokongan pembelajaran adalah aspek penting yang menyokong kepada proses perkembangan seseorang anak dalam pendidikan mereka. Dalam kajian ini, terdapat pelbagai kemudahan dan sokongan yang disediakan oleh peserta kajian dalam menyokong pembelajaran anak masing-masing. Antaranya adalah sumber pembelajaran dan pendidikan tambahan.

Dari aspek sumber pembelajaran, ibu bapa menyediakan kemudahan ICT dan media sosial yang amat diperlukan dalam dunia yang sedang berkembang ini. Ibu bapa mendedahkan anak bahan-bahan Bahasa Cina dengan menggunakan ICT dan media massa. Cerita-cerita, lagu-lagu, *Google Translate*, *Live* di *Facebook* memudahkan anak untuk belajar Bahasa Cina. Sebagai contoh,

> *"...kami buka Youtube yang ajar Mandarin, dan dengar sama-sama la. Kemudian juga ada Facebook la, daripada er…lao shi-lao shi yang ada buat online, yang buat online punya."* **(Peserta 12)**

Ibu bapa juga menyediakan bahan-bahan bacaan yang berkaitan seperti buku cerita, buku latihan dan buku ilmiah supaya membantu pembelajaran anak sebagai bahan sokongan. Sebagai contoh,

> *"Ada kamus bergambar yang Mandarin dan Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan apa tu, Pin Yin."* **(Peserta 12)**

> *"Saya banyak, er…beli buku latihan dekat rumah. Saya beli buku latihan pelbagai subjek, Bahasa Melayu, Matematik, Bahasa Inggeris. Saya akan bagi dia Buat latihan di rumah lah."* **(Peserta 4)**

Dari aspek pendidikan tambahan, kebanyakkan peserta menghantar anak ke kelas tuisyen untuk membantu anak menguasai asas bahasa dan memudahkannya memahami isi pelajaran yang diajar oleh guru di prasekolah. Sebagai contoh,

> *"...sokongan yang bentuk memang first, saya cakap awal tadi memang saya hantar dia ke private tuitor. Daripada tahun lepas lagi dah, jadi ni dah masuk tahun kedua, ah, tutor la."* **(Peserta 7)**

4.1.2. Pemantauan ibu bapa

Ibu bapa berperanan penting dalam memberikan pemantauan kepada anak-anak dalam pembelajaran. Terdapat empat jenis pemantauan ibu bapa yang dipilih hasil analisis temu bual peserta kajian iaitu mengambil berat terhadap pembelajaran, bimbingan ibu bapa, jalinan hubungan yang erat dengan pihak sekolah dan suasana pembelajaran.

a. Mengambil berat terhadap pembelajaran

Dapatan daripada temu bual menunjukkan bahawa ibu bapa melibatkan diri dalam pembelajaran anak melalui mengambil berat terhadap pembelajaran anak. Ibu bapa memberikan perhatian sepenuh terhadap pembelajaran anak bukan berbangsa Cina di prasekolah SJKC. Perrhatian sepenuh terhadap pembelajaran dari ibu bapa dapat membantu pembelajaran anak selain memupuk motivasi dan kepercayaan anak. Segala

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

masalah dalam pembelajaran akan diselesaikan dengan usaha ibu bapa. Ibu bapa akan memberi perhatian sepenuh semasa memantau pembelajaran anak dan membantu anak menyelesaikan masalah yang dihadapi. Sebagai contoh,

> *"...saya cuba cari solution yang terbaik untuk atasi masalah itu. Jadi bila saya dapat tahu apa punca sebenar, er…tentang masalah anak, saya cuba bersama-sama dengan anak, minta suami involve sekali dan untuk bantu perkembangan anak tu lebih baik."* **(Peserta 11)**

Seterusnya, ahli keluarga lain memberi perhatian terhadap pembelajaran anak dengan memberikan tunjuk ajar terhadapnya semasa menghadapi masalah. Sokongan ahli keluarga yang lain seperti abang dan kakak dapat memupuk motivasi belajar murid. Sebagai contoh,

> *"...kita minta tolong daripada kakak-kakak dia untuk er…tengok, contoh kalau bilang, nombor satu hingga sepuluh, kalau dia ada salah, kakak-kakak dia la bagi sokongan sama."* **(Peserta 10)**

Perbincangan bersama anak dapat membantu ibu bapa memahami isi pembelajaran yang telah dipelajari di sekolah dan perkembangan anak. Ibu bapa mengambil berat terhadap pembelajaran anak dengan sentiasa mengadakan perbincangan dengan anak untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh anak dalam pembelajaran. Sebagai contoh, pada kenyataan 12.

> *"...selalunya kami akan tanya la dia, dia belajar apa hari ini? Setiap hari kami akan tanya la. Kadang dia ingat, kadang dia lupa, jadi bila dia ingat tu, kami akan kongsi la perkataan tu dan kami akan ulang sama-sama la."* **(Peserta 12)**

Perbincangan aktiviti sekolah bersama anak dapat mengukuhkan ingatan anak terhadap isi pembelajaran yang telah dipelajari di sekolah. Sebagai contoh,

> *"...kadang-kala ada cerita dalam Bahasa Mandarin atau lagu-lagu dalam Bahasa Mandarin kan, yang dia pernah belajar dekat pra SJKC. Jadi kalau kita mainkan semula dekat rumah, dia boleh nyanyi semula lah anak."* **(Peserta 2)**

Penyelesaian masalah dalam pembelajaran anak juga merupakan salah satu cara pemantauan ibu bapa terhadap pembelajaran anak. Ibu bapa mengambil berat terhadap pembelajaran anak dengan sentiasa cuba mencari jalan untuk mengatasi masalah yang ditemui dalam pembelajaran untuk memupuk motivasi belajar anak. Sebagai contoh,

> *"...kalau macam dia tanya, kita tak tahu kan, kita buka la Google ke, lagi terang kat dia. Ni macam ni, yang ini dia sebut macam ni. Ah…dia boleh ikut."* **(Peserta 8)**

Salah seorang peserta pula mengambil berat pembelajaran anak dengan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah yang ditemui mengikut cadangan pakar. Ibu bapa berjumpa dengan pakar untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh anak dan cuba mengaplikasikan cadangan pakar dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, pada kenyataan peserta 11.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

> *"...bila terapi bagi tau pada saya Aqil ada masalah dari segi kurang keyaninan diri untuk bergaul dan juga untuk cuba sesuatu benda yang baru. Ok. Ini therapist dia nasihatkan kepada kami untuk er…cuba dedahkan Aqil kepada suasana baru. Sebab dia nak Aqil lebih yakin untuk jumpa. Daripada situ, er…saya ambil action apa yang therapist cadangkan...bila therapist bagi cadangan untuk Aqil atasi masalah itu, saya cuba buat dan aplikasi dalam, er…dalam harian."* **(Peserta 11)**

b. Bimbingan ibu bapa

Bimbingan ibu bapa terhadap anak merupakan salah satu pemantauan yang baik untuk membantu anak menyelesaikan masalah pembelajaran selain memupuk motivasi belajar mereka. Peranan ibu bapa dari segi pemantauan adalah membimbing pembelajaran anak di rumah. Ibu bapa perlu sentiasa mengajar dan memantau pelajaran anak supaya dapat mengenal pasti perkembangan anak. Sebagai contoh,

> *"...cikgu pun ada bagi tahu dia tak pandai menulis, jadi kita sokong dia dengan ambil tulis, hari-hari dan juga er……sentiasa, memantau la, pelajaran Ayra lagi kat sekolah, dari semasa ke semasa la."* **(Peserta 10)**

Kebanyakkan peserta kajian memantau pembelajaran anak di prasekolah SJKC dengan memberikan bimbingan dalam pembelajaran seperti mengajar kemahiran membaca dan menulis. Selain mengajar dan memantau pembelajaran anak, ibu bapa juga memberikan latihan kepada anak dan menyemak hasil kerja anak. Ibu bapa sentiasa menyediakan latihan kepada anak supaya dapat membantu pembelajaran anak. Penyemakan hasil kerja membuktikan ibu bapa memantau perkembangan anak melalui soalan-soalan yang telah disediakan. Sebagai contoh,

> *"Er…saya beli buku latihan, dan saya suruh dia buat lah. Erm…macam tu, bila habis saya beli, beli, beli, buku latihan lah...em…..saya bagi dia latihan, saya, erm…check."* **(Peserta 3)**

Selain pemantauan dari bidang akademik, ibu bapa mamantau pembelajaran dengan memberikan sokongan kepada anak. Sokongan ibu bapa adalah penting untuk memastikan motivasi belajar murid yang berterusan. Ibu bapa menyokong anak supaya sentiasa mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan harian seperti sentiasa berkomunikasi dengan bangsa cina. Sebagai contoh, petikan kenyataan daripada peserta 11.

> *"...tapi saya cuba bagi sekongan kepada anak-anak saya untuk er…cuba belajar, dan banyak berkomunikasi dengan bangsa Cina. Untuk lebih mahir, ketika cakap dan mamahami."* **(Peserta 11)**

Ibu bapa yang sentiasa memantau pembelajaran anak tidak lupa memberi sokongan dengan mendedahkan anak cara pembelajaran yang diminati seperti mendengar lagu kanak-kanak. Sebagai contoh,

> *"...saya bagi sokongan dia untuk dengar-dengar er…lagu-lagu Bahasa Cina, lagu kanak-kanak kan? Untuk bagi minat kepada dia."* **(Peserta 6)**

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Cara peserta kajian untuk membimbing pembelajaran anak adalah duduk bersama anak untuk melakukan ulang kaji atau aktiviti bersama-sama. Pemantauan ibu bapa di sisi anak tidak dapat dinafikan dapat memberikan semangat kepada anak untuk mengulang kaji atau menjalankan aktiviti. Sebagai contoh,

> *"kalau er…cara saya pantau dia saya akan duduk sekali dengan dia, buat sama-sama kerja. Macam dia tak tahu, saya akan duduk sekali dengan dia, belajar dengan dia. Er, Saya akan buat macam tu lah...Er…paling lama, kalau dia tengah rajin tu,dia akan baca dan buat latihan 3 jam...lepas tu dia macam, tapi bukan satu subjek lah. Dia akan mewarna, akan melukis. Saya pun duduk mewarna dan melukis dan menggunting dan menampal di dinding kita."* **(Peserta 4)**

Peserta 1 pula menyatakan bahawa cara pemantauannya adalah membimbing anak mencuba perkara yang baru serta menghormati dan memberi sokongan terhadap minat anak. Pendedahan perkara yang baru dapat memberi peluang kepada anak memahami minat dan kekuatan sendiri. Ibu bapa membimbing dan menghormati minat anak. Sebagai contoh,

> *"...bila saya dedahkannya dengan something, Saya akan cuba tanyalah, dia suka ke tak? Kalau dia suka tu, ok lah…Ah…so kalau dia rasa ok, dia minat, so go on lah, proceed lah."* **(Peserta 1)**

Bimbingan ibu bapa juga dilihat melalui pemantauan cara penggunaan masa anak di rumah. Ibu bapa membimbing anak menggunakan masa dengan sesuai untuk belajar dan melakukan aktiviti rekreasi. Ibu bapa membantu anak kecil menggunakan masa mereka dengan seimbang. Sebagai contoh,

> *"...Semasa kita ada masa-masa lah, ada masa untuk tengok tv juga, ada masa untuk belajar sikit, ada masa untuk bermain di luar."* **(Peserta 2)**

Selain membimbing anak menggunakan masa dengan sesuai, ibu bapa juga membimbing anak menggunakan Internet dengan betul. Ibu bapa memantau cara anak menggunakan gadjet dengan betul iaitu menggunakan Internet untuk menyelesaikan masalah pembelajaran yang dihadapi. Anak yang kecil tidak didedahkan permainan gadjet kecuali untuk belajar atau menemui masalah yang tidak faham dalam pembelajaran. Sebagai contoh,

> *"Saya tak bagi dia main gadjet."* **(Peserta 3)**

c. Jalinan hubungan yang erat dengan pihak sekolah

Pembinaan jalinan hubungan yang rapat dengan pihak sekolah merupakan cara pemantauan ibu bapa yang berkesan. Hal ini demikian kerana guru merupakan pihak yang mengajar anak secara *face-to-face* dalam pembelajaran. Peserta 2 memandang pembelajaran secara bersemuka adalah penting untuk mengenalpasti perkembangan anak mereka. Sebagai contoh,

> *"Saya still rasa paling membantu adalah one-to-one atau face-to-face pembelajaran bersama cikgu lah."* **(Peserta 2)**

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Beberapa peserta menjalinkan hubungan yang erat dengan pihak sekolah untuk memahami perkembangan anak dari semasa ke semasa. Ibu bapa mementingkan peranan mereka untuk sentiasa berhubung dengan pihak sekolah supaya mendapat maklum balas daripada ibu bapa tentang pembelajaran anak mereka. Komunikasi antara kedua-dua pihak iaitu pihak sekolah dan pihak ibu bapa memberikan manfaat terhadap pembelajaran anak kerana kedua-dua pihak dapat mengambil tindakan jika mendapati apa-apa masalah. Sebagai contoh,

> *"...saya cuba untuk berkomunikasi dengan cikgu lah, mana perkembangan Nauraa."* **(Peserta 6)**

d. Suasana pembelajaran

Suasana yang sesuai untuk belajar penting dalam kehiduapan harian anak. Peserta 4 berusaha mewujudkan suasana yang sesuai iaitu mendedahkan anak dengan budak-budak lain dan belajar bersama-sama. Anak sebagai guru kecil untuk mengajar budak seusia dengannya akan lebih bermotivasi tinggi dan bersemangat untuk belajar. Sebagai contoh,

> *"Dekat rumah pun dia ajar adik dia cakap Cina. Dia ajar, er, bilang Bahasa Cina. Sepupu dia, kalau sepupu dia balik, dia ajar bahasa Cina, kira-kira bahasa Cina."* **(Peserta 4)**

Seterusnya, peserta 11 pula berusaha mendedahkan anak bersama kawan-kawan berbangsa Cina untuk mewujudkan suasana pembelajaran. Anak kecil yang sentiasa berada dengan bangsa Cina akan menguasai bahasa ketiga dengan lebih mudah kerana sentiasa berkomunikasi dengan Bahasa Cina. Sebagai contoh,

> *"...Jadinya kadang-kadang saya akan jumpa dengan kawan baik yang berbangsa Cina, saya pergi gaul dengan mereka. Saya minta mereka berkomunikasi dalam bahasa Cina dengan anak-anak. Er...sebab saya nak dia orang ada komunikasi sertanya ada komunikasi dengan bahasa Mandarin. Kalau tak dapat, seminggu pun, sekali pun tak pa, okay."* **(Peserta 11)**

4.1.3. Memberikan motivasi

Ibu bapa perlu memikul peranan dalam memupuk motivasi belajar anak sejak dari peringkat prasekolah untuk menggalakkan seseorang kanak-kanak sentiasa ingin tahu dan wujud minat untuk belajar. Terdapat 3 subtema yang dipilih hasil analisis temu bual peserta kajian iaitu memahami dan menghargai corak pembelajaran, menyuntik motivasi dan hubungan rapat antara sekolah dan ibu bapa.

a. Memahami dan menghargai corak pembelajaran

Setiap kanak-kanak mempunyai corak pembelajaran yang unik dan berbeza. Antara cara untuk memotivasikan anak adalah sentiasa memahami dan menghargai corak pembelajaran anak. Ibu bapa tidak boleh memandang rendah terhadap hasil anak manakala sebaliknya perlu menghargai apa yang telah dilakukan oleh anak. Sebagai contoh,

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

> *"...jangan kita, er…memandang rendah, apa-apa usaha yang dia buat. Walaupun apa yang dia buat tu mungkin salah pada pandangan kita, tapi itu merupakan satu usaha anak itu sendiri, jadi kita kena hargai lah, ah…kita akan hargai, Kita akan bagitahu, ah…dia ini good effort dia buat macam ni…ah…so mungkin boleh tambah baik buat macam ni, lagi better buat macam ni lagi better, tapi first kali kita kena acknowledge lah…dia punya usaha. Bukan kita nak perbetulkan apa yang dia salah, acknowledgement, usaha tu..."* **(Peserta 1)**

Ibu bapa yang penyayang dan sentiasa mendengar anak dapat mendorong motivasi belajar anak. Ibu bapa sebagai pendengar yang baik menunjukkan pemahaman mereka terhadap anak. Apa yang anak bercakap akan dihargai dan difahami. Dengan ini, anak bermotivasi tinggi dan bersemangat untuk pembelajaran secara berterusan. Sebagai contoh,

> *"Apa yang dia, dia rasa susah dia akan kongsi jadi kita cuba dengar dan kita berselesaikan la. Apa yang dia nak faham...En, en. Dengar. Cuba dengar dia, cuba faham dia la."* **(Peserta 7)**

b. Menyuntik motivasi

Pengalaman persekolahan yang berkesan dan bermakna dapat membentuk murid yang bersikap positif dalam pembelajaran melalui penglibatan ibu bapa. Ibu bapa merupakan pihak yang paling berpengaruh dalam menyuntik motivasi belajar anak dalam konteks pendidikan prasekolah. Masalah pembelajaran dapat dikurangkan dengan wujudnya dorongan, galakkan dan nasihat daripada ibu bapa. Antara kenyataan berikut merupakan cara ibu bapa memotivasikan anak dengan menyuntik motivasi.

> *"...saya selalu cakap dengan dia, em…kalau selalu buat latihan, kita akan jadi tahu lah. Em…Lagi cepat tahu lah dari cikgu ajar lah. Kalau cikgu nanti, you dah selalu buat, nanti cikgu ajar, you dah tahu buat, macam mana cara buat lah…macam tu lah."* **(Peserta 3)**

Sememangnya belajar dengan menggunakan bahasa ketiga amat mencabarkan. Ada juga peserta kajian memberikan galakkan kepada anak dengan menjadikan kawan sekelas sebagai contoh yang boleh dirujuk oleh anak untuk menggalakkannya berani mencuba dan belajar bersungguh-sungguh. Sebagai contoh,

> *"...saya cakap oh, dia pun kena la macam kawan dia kan…belajar semangat dia, minta la dia, macam berusaha lagi, supaya dapat macam kawan-kawan dia."* **(Peserta 9)**

Selain rakan sekelas, ahli keluarga juga merupaka satu contoh yang baik untuk dirujuk oleh anak. Ahli keluarga perlu menjadi tauladan yang baik bagi menyedarkan anak supaya belajar bersungguh-sungguh. Sebagai contoh,

> *"...salah satunya mungkin, melihat dengan abang-abang lah. Kita kata abang-abang boleh buat, jadi satu contoh yang baik."* **(Peserta 2)**

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malah, peserta 1 menyuntik motivasi kepada anak untuk terus mencuba dengan memberikannya cadangan yang lebih baik. Ibu bapa memahami dan menghargai hasil anak dulu, kemudian memberikan cadangan yang lebih baik kepada anak. Sebagai contoh,

> *"Kita akan bagitahu, ah…dia ini good effort dia buat macam ni…ah…so mungkin boleh tambah baik buat macam ni, lagi better buat macam ni lagi better."* **(Peserta 1)**

Peluang mengaplikasikan bahasa yang dipelajari dalam kehidupan harian juga merupakan salah satu galakkan ibu bapa. Ibu bapa banyak menyediakan peluang untuk anak supaya berani menggunakan bahasa ketiga dalam kehidupan seperti menggalakkan anak mengajar saudara mara tentang Bahasa Cina untuk memotivasikannya. Sebagai contoh,

> *"Biasanya bagi dia dengan cousin dia, memang dia, suruh dia dengan cousin dia, tapi, untuk, memang macam lead lah, so lead dia cousin dia belajar er, apa ni, bahasa Cina lah."* **(Peserta 5)**

Ibu bapa sendiri belajar bersama anak melalui contoh-contoh dalam kehidupan seperti membeli barang di kedai. Ibu bapa menyokong dan memberi semangat kepada anak untuk bercakap Bahasa Cina bersama penjual Cina. Aplikasi bahasa dalam kehidupan harian anak dapat memupuk minat dan motivasi anak untuk bercakap Bahasa Cina. Sebagai contoh,

> *"Kalau kami pergi kedai pun, kalau penjual tu macam Chinese, kami akan tanya beberapa perkataan yang boleh kami belajar. Macam nak tanya harga ke..."* **(Peserta 12)**

c. Hubungan rapat antara sekolah dengan ibu bapa

Huungan yang baik terjalin antara pihak sekolah dan ibu bapa untuk membantu perkembangan murid secara menyeluruh. Komunikasi berkesan yang sentiasa dilakukan oleh kedua-dua pihak untuk mendapat maklumat berkenaan dengan anak. Ibu bapa yang sentiasa berhubung dengan pihak sekolah dapat memberikan motivasi dan semangat kepada anak dalam pembelajaran kerana anak mendapat perhatian daripada ibu bapa dan persekitarannya. Sebagai contoh,

> *"...motivasi yang saya buat la er…orang kata, hubungan baik dengan pihak sekolah la. Dengan cikgu, dengan cikgu ani, dan satu peranan yang motivasi, memberitahu kami la, kan? Jadi kalau cikgu tak bantu kami, kami pun tak tahu banyak masalah, untuk tambah perkembangan sekolah Ayra."* **(Peserta 10)**

5. Perbincangan Kajian

Kajian ini bertujuan meneroka isu peningkatan murid bukan berbangsa Cina di prasekolah SJKC dari sudut ibu bapa. Dalam proses asimilasi bahasa dan budaya pendidikan yang berbeza, sokongan penting adalah diperlukan bagi membantu murid menyesuaikan diri dalam persekitaran yang berlainan. Antara pihak yang paling berpengaruh dalam pendidikan prasekolah adalah ibu bapa kerana ibu bapa merupakan individu yang paling hampir dengan anak mereka. Kesedaran ibu bapa terhadap

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kepentingan penguasaan bahasa akan mendorong ibu bapa mengambil inisiatif untuk memastikan masa depan anak mereka. Memandang sekolah SJKC semakin menarik perhatian rakyat Malaysia terutamanya keluarga bukan berbahasa Cina untuk menuntut pendidikan daripadanya, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bagaimana penglibatan ibu bapa bukan berbangsa Cina dalam aktiviti pembelajaran anak untuk memotivasikan anak.

Hasil dapatan temu bual ke atas 12 peserta kajian mempamerkan penglibatan ibu bapa bukan berbangsa Cina dalam aktiviti pembelajaran anak. Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di prasekolah SJKC untuk memupuk motivasi belajar anak dapat difahami melalui aktiviti seperti menyediakan kemudahan dan sokongan pembelajaran, pemantauan dan memberikan motivasi.

5.1. Penglibatan ibu bapa bukan berbangsa Cina

Bahagian ini membincangkan dapatan berkaitan dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak untuk memupuk motivasi belajar anak. Perkaitan ini dibincangkan daripada tiga tema utama iaitu menyediakan kemudahan dan sokongan pembelajaran, pemantauan ibu bapa serta memberikan motivasi.

Sebagai ibu bapa, peserta kajian menyediakan kemudahan dan sokongan pembelajaran kepada anak. Kemudahan dan sokongan pembelajaran dapat membantu pembelajaran anak selain meningkatkan minat belajar mereka. Dapatan kajian mendapati kebanyakkan ibu bapa menyediakan pendidikan tambahan untuk membantu anak menguasai pembelajaran dan memudahkannya memahami isi pelajaran yang pernah diajar. Hal ini selari dengan dapatan kajian Funk (2018) bahawa kebanyakan ibu bapa bukan berbangsa Cina memilih untuk menghantar anak ke tuisyen tambahan kerana ketidakmampuan ibu bapa untuk membantu anak memahami bahasa ketiga. Kebanyakkan ibu bapa akan bergantung kepada tuisyen tambahan untuk membantu pemahaman anak. Selain menyediakan pendidikan tambahan, ibu bapa bergantung kepada sumber pembelajaran dalam pelbagai jenis. Sebagai contoh, bahan bacaan seperti buku cerita, buku ilmiah dan buku latihan atau media ICT seperti video-video dan lagu-lagu (Zulkifli et al., 2011). Bahan-bahan bacaan yang berkaitan adalah penting sebagai bahan sokongan untuk memudahkan pembelajaran anak. Manakala media ICT mengandungi bahan-bahan yang menarik minat anak dan seterusnya mendorong anak belajar dengan lebih berkesan (Siti Zaharah et al., 2018). Kajian Yuliani, Putu Aditya dan Mutiara (2017) menjelaskan pembelajaran melalui bahan-bahan media ICT seperti video dapat meningkatkan pemahaman dan kemampuan anak. Kesungguhan ibu bapa menyediakan kelengkapan dapat mendorong semangat anak untuk memajukan diri (Johdi et al., 2012).

Seterusnya, penglibatan ibu bapa boleh dilihat melalui pemantauan mereka dalam pembelajaran anak. Pemantauan ibu bapa dalam pembelajaran anak adalah penting untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan segera dan mengekalkan motivasi belajar anak. Pemantauan ibu bapa boleh diberi melalui mengambil berat tentang pendidikan anak (Anisa Saleha, 2015). Ibu bapa memberikan perhatian sepenuh terhadap pembelajaran anak dengan mengadakan perbincangan bersama anak. Perbincangan bersama anak seperti isi pembelajaran yang dipelajari, kerja sekolah dan masalah yang dihadapi dalam pembelajaran dapat memberikan kesan yang positif. Hal ini selari dengan perbincangan dalam kajian Termize, Ruhizan dan Ahmad Zamri (2021) yang bersetuju perbincangan di rumah merupakan salah satu penglibatan ibu bapa

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dalam pembelajaran anak. Komunikasi adalah aspek penting dalam keluarga kerana komunikasi keluarga bukan sahaja meningkatkan perkembangan anak dan juga mendalami ilmu anak (Ismail et al., 2019). Malah, kajian ini juga menunjukkan peserta kajian mengambil berat terhadap pembelajaran anak dengan sentiasa cuba mencari jalan untuk mengatasi masalah yang ditemui dan memberi perhatian sepenuh bersama ahli keluarga. Kajian Zulkifli et al. (2011) mendapati ibu bapa yang mengambil berat dalam pendidikan anak secara langsung dapat memberikan impak yang positif terhadap perkembangan kognitif anak.

Hubungan yang rapat antara pihak sekolah dan ibu bapa dapat membina komunikasi yang baik antara kedua-dua pihak ini. Peserta kajian bersetuju bahawa salah satu cara pemantauan mereka adalah pembinaan jalinan hubungan yang rapat dengan pihak sekolah untuk mengetahui prestasi dan perkembangan anak mereka. Projek Penyelidikan Keluarga Harvard 2005 juga menyokong bahawa kerjasama antara pihak sekolah dan ibu bapa dapat memupuk kecemerlangan murid (Ramalingam, Maniam & Karuppanan, 2019). Kenyataan ini disokong oleh Paezah dan Faridah (2017) yang menyatakan bahawa hubungan yang rapat antara ibu bapa dengan pihak sekolah dapat membantu ibu bapa berkongsi masalah atau maklumat yang berkaitan dengan anak bersama dengan guru untuk membantu pendidikan murid selain mengurangkan persefahaman kedua-dua pihak.

Kanak-kanak belajar dalam pembelajaran di rumah (Epstein, 2001). Ibu bapa merupakan guru pertama dalam kehidupan kanak-kanak (Paezah & Faridah, 2017). Suasana keluarga boleh membina persekitaran sosial kanak-kanak dan seterusnya meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak (Johnston & Bugental, 2000). Dapatan kajian ini menunjukkan peranan ibu bapa dalam memantau pembelajaran anak melalui pembentukan suasana pembelajaran di rumah. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang menunjukkan peranan keluarga dalam menyediakan peluang dan sumber kepada anak untuk berkomunikasi dengan sesuatu bahasa (Raban, 2001). Kajian Ujai dan Wan Mohamad (2017) juga menyatakan kepentingan ibu bapa membentuk persekitaran pembelajaran yang baik untuk membantu anak menguasai bahasa ketiga. Penyediaan suasana pembelajaran yang bersesuaian dan selesa di rumah dapat minimumkan gangguan yang wujud dan membantu anak untuk belajar (Mairin et al., 2020).

Ibu bapa merupakan individu yang bertanggungjawab membimbing dan membantu pembelajaran anak di rumah (Lo & Ruhizan, 2022). Bimbingan ibu bapa terhadap anak merupakan salah satu pemantauan yang baik untuk membantu anak menyelesaikan masalah pembelajaran selain memupuk motivasi belajar mereka. Ibu bapa perlu sentiasa mengajar, memantau pelajaran anak dan memberikan latihan kepada anak supaya dapat mengenal pasti perkembangan anak. Dapatan kajian ini membuktikan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak melalui membimbing dan menyokong anak. Belajar bersama anak, memberikan kata-kata motivasi serta memantau penggunaan masa dan internet anak merupakan cara bimbingan ibu bapa dalam pembelajaran anak kecil. Kajian Funk (2018) yang berbincang penglibatan ibu bapa dalam penguasaan bahasa katiga anak juga menyokong dapatan kajian ini iaitu peranan keluarga dalam membimbing pembelajaran anak. Ibu bapa perlu membimbing pembelajaran anak dan membuat semakan untuk memberi kesan yang positif terhadap pencapaian akademik anak (Mairin et al., 2020).

Motivasi merupakan elemen yang penting bagi seseorang murid dalam mengasimilasi bahasa dan budaya pendidikan yang berbeza (Fami Sahid, Sharif Mustaffa & Roslee

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Ahmad, 2008). Ibu bapa berperanan melibatkan diri dalam pembelajaran anak bagi memotivasikan mereka. Setiap kanak-kanak memerlukan pemahaman dalam proses belajar kerana mereka mempunyai corak pembelajaran masing-masing yang unik. Ibu bapa perlu berperanan sebagai pendengar aktif yang menghormati anak untuk mendorong semangat anak. Pemahaman dan penghargaan terhadap hasil kerja atau pandangan anak dapat menimbulkan rasa dihormati pada anak dan mereka seterusnya lebih bermotivasi untuk terus belajar.

Selain memahami dan menghormati anak, sokongan moral daripada ibu bapa dapat mengekalkan motivasi belajar anak yang tinggi. Hasil kajian ini didapati konsisten dengan kajian Lo dan Ruhizan (2022) yang menyatakan peneguhan positif daripada ibu bapa seperti pujian dan dorongan dapat memupuk motivasi belajar anak. Sokongan moral daripada ibu bapa dapat meningkatkan usaha dan kesedaran murid untuk terus berusaha dalam pembelajaran (Termize, Ruhizan & Ahmad Zamri, 2021). Sokongan dan dorongan keluarga boleh menjadi asas kepada kecemerlangan murid dalam pembelajaran (Mohd Muizzuddin et al., 2018). Ibu bapa perlu memberi sokongan kepada anak dalam kehidupan harian dengan mengaplikasikan dan belajar bersama-sama bahasa ketiga. Tindakan ibu bapa yang menyokong anak dalam kehidupan dapat memberikan impak yang baik terhadap pembelajaran anak (Nazmazura et al., 2014). Hal ini selaras dengan pendapat Chohan dan Khan (2010) yang menyatakan bahawa sokongan ibu bapa dalam dalam aktiviti pembelajaran anak memberi pengaruh yang besar ke atas prestasi dan motivasi anak.

Komunikasi berkesan antara pihak sekolah dan pihak ibu bapa dapat mendorong motivasi belajar anak. Ibu bapa yang sentiasa berhubung dengan pihak sekolah dapat mengetahui perkembangan anak. Mereka sedar bahawa penjalinan hubungan yang erat dengan pihak sekolah adalah penting dalam pembelajaran anak (Nazmazura et al., 2014). Kerjasama kedua-dua pihak dapat memastikan pembelajaran yang berkualiti untuk murid. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran ibu bapa dalam melibatkan diri dalam pembelajaran anak dan seterusnya meluaskan peranan ibu bapa dalam meningkatkan keberhasilan anak.

6. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, ibu bapa adalah individu yang paling utama dalam pembelajaran anak. Justeru, ibu bapa perlu memikul peranan untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran anak bagi mengurangkan cabaran yang dihadapi dalam mengikut budaya pendidikan yang berbeza. Murid prasekolah akan lebih bermotivasi dan bersemangat jika mendapat sokongan persekitarannya iaitu ibu bapa yang mengambil inisiatif dan membantu pembelajaran anak (Yusoff et al., 2021). Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam kesedaran tentang peranan ibu bapa bukan penutur natif dalam pembelajaran anak semasa belajar bahasa ketiga. Kajian ini membuktikan terdapat pelbagai cara penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak untuk memotivasikan anak walaupun ibu bapa sendiri tidak mempunyai fahaman asas terhadap Bahasa Cina. Dapatan kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji, pihak pentadbir sekolah, guru-guru serta para ibu bapa dalam memahami peranan ibu bapa untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran murid di prasekolah. Selain itu juga, kajian ini telah memperkayakan kajian berkaitan fenomena pembelajaran murid bukan berbangsa Cina di SJKC kerana masih terdapat kekurangan dalam mengkaji isu penglibatan ibu bapa bukan berbangsa Cina dalam pembelajaran anak untuk memupuk motivasi belajar murid.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia, kedua-dua ibu bapa saya, adik beradik saya, peserta kajian dan juga semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung yang telah memberikan sumbangan kepada saya dalam proses menyempurnakan kajian ilmiah ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan artikel ini tiada sebarang tajaan atau bantuan kewangan. Segala kewangan dari awal hingga akhir kajian dan penulisan ditanggung oleh diri sendiri sebagai penulis.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Adam, S.D.S., Othman, I.W., Hamid, J.A., Esa, M.S., Ationg, R., Lokin, S.A., & Tamring, B.A.M. (2021). Pengaruh pendidikan dalam kepelbagaian etnik sebelum dan selepas merdeka di Malaysia. I*nternational Journal of Law, Government and Communication 6*(23), 68-84.

Ang, M. & Anuar Ahmad. (2017). Motivasi pembelajaran murid bumiputera di sekolah vernakular cina. *International Conference on Education and Regional Development 2016,* 361-366.

Anisa Saleha. (2015). *Keterlibatan, sokongan pembelajaran dan pencapaian pelajar berdasarkan gender peringkat persekolahan dan lokasi*. Tesis Dr.Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Arnold, D.H., Zeljo, A., & Doctoroff, G. L. (2008). Parent involvement in preschool: predictors and the relation of involvement to prelitery development. *School Psychology Review, 37*(1), 74-90.

Awang Saadon. (2010). Sistem Pendidikan baru Malaysia: Suatu pendekatan holistik-komprehensif. *Journal of Governance and Development 6*, 69-82.

Barger, M.M., Kim, E.M., Kuncel, N.R., & Pomerantz, E.M. (2019). The relation between parents' involvement in children's schooling and children's adjustment: A meta-analysis. *Psychological Bulletin, 145*(9), 855-890.

Bi, L.W.T. (2019). *Malaixiya Shaba Yuying Huaxiao fei Huayi xuesheng Huayu xueye zhuangkuang yanjiu (马来西亚沙巴育英华小非华裔学生华语学业状况研究)*. Tesis Sarjana Muda, Minzu University of China. China Academic Journals (CNKI).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Cheong, Y.K. (2013). Gerakan pendidikan Cina di Malaysia: Satu kajian tentang perjuangan Dong Jiao Zong (1970-2002). *Journal of Chinese Literature and Culture 马大华人文学与文化学刊, 1*(2).

Chohan, B. I., & Khan, R. M. (2010). Impact of parental support on the academic performance and self concept of the student. *Journal of Research and Reflections in Education, 4*(1), 14-26.

Chun, K.Y., & Lay, S.N. (2019). A study on the teaching of non-Chinese students in Malaysia primary schools. *Opción, Año, 35*(19), 1912-1934.

Creswell, J.W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches*. Sage Publications, Thousand Oaks.

Creswell, J.W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research (3rd ed.).* Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.

Epstein, J.L. (2001). Building bridges of home, school, and community: The importance of design. *Journal of Education for Students Placed at Risk 6*(1 & 2), 161-168.

Epstein, J.L., Sanders, M.G., Sheldon, S.B., Simon, B.S., Salinas, K.C., Jansorn, N.R., & Hutchins, D.J. (2018). *School, family, and community partnerships: Your handbook for action.* Corwin Press.

Fami Sahid, Sharif Mustaffa & Roslee Ahmad. (2008). Penglibatan ibu bapa dalam membantu membuat kerja rumah (Matematik) di kalangan pelajar tingkatan dua. satu tinjauan di sebuah sekolah menengah di daerah Muar. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains & Matematik 2008,* Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

Funk, A.Y.L. (2018). *The relationship between achievement in second language acquisition and parental involvement: A case study of multilingual primary school learners in Sabah studying Mandarin*. Tesis Phd, Swinburne University of Technology.

Gu, H.X.. (2016). *Malaixiya huawen jiaoyu qingkuang (马来西亚华文情况)*. Nanyang Fengcai.

Habibie Ibrahim, Mustapha, M., Perdani, J., Hayati Ahmad & Hudani Nawi. (2018). Peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam pengasuhan anak dan remaja. *Asian Social Work Journal, 3*(5), 18-24.

Henderson, A.T., & Mapp, K. L. (2002). *A new wave of evidence: The impact of school, family, and community connections on students achievement.* National Center for Family and Community Connections with Schools, U.S. Department of Education. Southwest Educational Development Laboratory.

Heng, B., Neo, Y.F., & Chan, J.Y. (2021). Investigating the attributes of Chinese primary school adoption among the Malay community in Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities 5*(2), 151-164.

Heng, B.C., & Neo, K.S. (2005). Pendidikan Cina di kalangan pelajar Melayu Kelantan. *3rd Academic Conference of UiTM Kelantan.* UiTM Kelantan.

Ishak Mad Shah. (2004). Konsep kendiri dan pencapaian akademik golongan remaja: melihat sejauhmana gaya kepimpinan ibu bapa sebagai moderator. *Jurnal Teknologi 40*(E), 33-44.

Ismail, S., Ismail, N., Mohamad, N., Nor Sad, N.D.H. & Datu Asal, S. (2019). Cabaran Komunikasi Ibu Bapa dalam Masyarakat Melayu. *5Th International Seminar On Islamiyyat Studies IRSYAD*, 108–118.

Johdi Salleh, Mazliza Kamin, Loven, C.L., Henry, J.F., & Rubin, M. (2012). Kajian erhadap faktor-faktor mempengaruhi pencapaian pelajar dalam penilaian menengah rendah di Sabah. Labuan *International Conference on Educational Research-LICER 2012.* Wilayah Persekutuan Labuan.

Johnston, C., & Bugental, D.B. (2000). Parental and child cognitions in the context of the family. *Annual review of psychology, 51*, 315-44.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kanammah, M, Ng, M.L.Y.A., & Shahizan Hasan. (2013). Pengaruh faktor keluarga terhadap pembelajaran regulasi kendiri murid sekolah rendah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education, 29*, 39-54.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Bilangan sekolah rendah dan menengah mengikut jenis sekolah, lokasi dan kategori di Malaysia*.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Statistik bilangan sekolah, murid & guru 2020*.

Koo, C.C. (2017). *Penguasaan sebutan Bahasa Cina dan Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Cina*. Tesis Sarjana Muda, Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Krashen, S. (1976). Formal and informal linguistic environments in language learning and language acquisition. *TESOL Quarterly, 10*, 157-168.

Lara, L., & Saracostti, M. (2019). Effect of parental involvement on children's academic achievement in Chile. *Frontiers in Psychology, 10*(1464), 1-5.

Lo, M., & Ruhizan, M.Y. (2022). Penglibatan ibu bapa dan komuniti serta hubungannya dengan motivasi murid SJKC sepanjang PdPR. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(4).

Mairin Gosman, Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Azmain Saharin, & Rozana Saili. (2020). Hubungan penglibatan ibu bapa dan peranan guru dengan pencapaian akademik pelajar sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES), 4*(1), 1-12.

Menheere, A., & Hooge, E. H. (2010). Parental involvement in children's education: A review study about the effect of parental involvement on children's school education with a focus on the position of illiterate parents. *Journal of the European Teacher Education Network JETEN, 6*, 144-157.

Merriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Merriam, S.B. (2001). *Qualitative research and case study applications in education: Revised and expended from case study research in education.* San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

Mior Khairul Azrin. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Sosiohumanika, 4*(1).

Mohd Muizzuddin, M,N., Sukimi, M.F., & Nasaruddin, M.M.N. (2018). Kesedaran pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space, 14*(1), 72-86.

Nazmazura Aris, Zuraida Abdullah, Norhidayah Abdullah, Mazriza Osman, Haneza Hamid, & Zulaida Wan Hamat. (2014). Model hubungan ibu bapa dan sekolah dalam implementasi program sarana ibu bapa di sekolah: Satu Cadangan. *Seminar Transformasi Pendidikan Nasional*. Universiti Malaya.

Newman, N., Fletcher, R., Kalogeropoulos, A., & Nielsen, R.K. (2019). *Reuters institute digital news report 2019.* Reuters Institute for the Study of Journalism.

Ngein, M.M., & Ching, T.H. (2016). Pembelajaran Bahasa Cina di SJK(C): Kajian kes pelajar Bumiputera di negeri Sarawak. *Journal of Chinese Literature and Culture 4*(1), 63-84.

Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.

Norjumira, A.R., Ishak, M.S., Mohamad, M.S., & Ibrahim, A.Z. (2020). Tahap Penglibatan ibu bapa dalam didikan kanak-kanak di Taska Kemas. *Jurnal Kesidang Kesidang Journal 5*, 112-118.

Ong, P.L., & Nur Atiqah, R.A. (2010). Pendidikan sebagai tapak integrasi penggunaan bahasa ibunda dan sekolah vernakular. *The International Conference on Image Processing (ICIP)*, 46-73.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Ozcinar, Z. (2006). Developing a scale on the instructional communicatve qualification of parents with teachers. *Cypriot Journal of Educational Sciences, 1*(1), 21-29.

Paezah, A.H., & Faridah, Y. (2017). Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanakkanak di prasekolah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan.* 1-9.

Raban, B. (2001) Learning progression and development: Principles for pedagogy and curriculum. *Australian Journal of Early Childhood, 26*(2), 31-35.

Ramalingam, S., Maniam, M., & Karuppanan, G. (2019). Penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik pelajar sekolah tamil di Selangor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 3*(3), 308-323.

Rohaty, M.M. (2003). *Pendidikan prasekolah: Cabaran kualiti.* Syarahan Perdana. Bangi: Penerbitan Malindo Sdn Bhd.

Rozumah, B., Rumaya, J., Asnarulkhadi, A. S., Mansor, A. T., Amna, M.N., & Jo-Pei, T. (2003). *Laporan Kajian Prososial dan Kecemerlangan Pelajar Sekolah.* Serdang; Penerbit UPM.

Siti Saniah Abu Bakar. (2013). Kekangan pelajar asing dalam menggunakan kemahiran bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ;Malay Language Education (MyLEJ), 3*(1), 52-60.

Siti Zaharah, M., Roslinda, R., Khodijah, A.R., & Nurul Nadhirah, S. (2018). Teknologi multimedia dalam pendidikan abad 21. *5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018) Palm Garden Hotel*, Putrajaya.

Syed Husin Ali. (1984). *Ethnicity, class and development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.

Tan, Y.L., Ngu, I.T., & Chew, F.P. (2017). Fenomena pertambahan murid bukan cina di Sekolah Kurang Murid Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. *Journal of Chinese Literature And Culture 5*(1), 79-100.

Tan, Y.Y. (2015). Malay parents' perspective on a admission of their children to Chinese primary school in Kelantan, Malaysia. *Researchers World 6*(1), 26.

Tay, S.C.W. (2012). Keadaan pembelajaran bahasa Cina daalam kalangan pelajar bukan Cina di Sarawak, Malaysia Timur. (马来西亚东部沙拉越地区非华裔小学生汉语学习状况调查研究). Tesis Ijazah Sarjana, Minzu University of China.

Termize, M.F., Mohd, R., & Zamri, A. (2021). Tahap sokongan ibu bapa dalam membantu pembelajaran murid b40 di sekolah luar bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan, 3*(1), 707-717.

Ujai, D.S., & Mohamad, W.M.R.W. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 7*(1), 74-84.

Urdan, T., & Turner, J.C. (2005). *Competence motivation in the classroom.* In Elliot, A.J. & Dweck, C.S. (Eds.), Handbook of competence and motivation. 297–317.

Wan Jaafar, W.N., & Maat, S.M. (2020). Hubungan antara motivasi dengan pencapaian Matematik dalam kalangan murid sekolah luar bandar. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia, 10*(1), 39-48.

Yin, R.K. (2003). *Applications of case study research (2ed)*. Thousand Oaks, California: SAGE Publications.

Yin, R.K. (2014). *Case study research design and methods (Issue c)*. SAGE Publications.

Yin, R.K. (2015). *Qualitative research from start to finish (2ed)*. New York: The Guilford Press.

Yuliani, D., Antara, P. A., & Magta, M. (2017). Pengaruh video pembelajaran terhadap kemampuan berhitung permulaan anak kelompok b di taman kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini Undiksha, 5*(1), 96–105.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Yusoff, M. S., Othman, I. W., Jupiter, H., & Mokhtar, S. (2021). Penguasaan bahasa ibunda sebagai medium komunikasi mahasiswa institusi pengajian tinggi Malaysia: Suatu Penelitian Cakna Bahasa Negara Berbilang Kaum. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, 6*(41), 38-54.

Zulkifli, A.H., Jamilah, O., Aminah, A., & Ismi, A.I. (2011). Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education, 3*(2), 31-40.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).